



FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS

**PROSEDUR PENYELIDIKAN KURATOR UNTUK TOPENG ETNIK SARAWAK  
DALAM KOLEKSI JABATAN MUZIUM SARAWAK**

**MUHAMMAD ZAKIRIN B. HASSAN**

**52749**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan & Kreatif Dengan Kepujian  
(WA59 – Pengurusan Seni)**

**2018**

**PROSEDUR PENYELIDIKAN KURATOR UNTUK TOPENG ETNIK  
SARAWAK DALAM KOLEKSI JABATAN MUZIUM SARAWAK**

MUHAMMAD ZAKIRIN B. HASSAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan  
Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

**JUDUL: PROSEDUR PENYELIDIKAN KURATOR UNTUK TOPENG ETNIK SARAWAK DALAM KOLEKSI JABATAN MUZIUM SARAWAK.**

**SESI PENGAJIAN: 2015/2016**

**Saya MUHAMMAD ZAKIRIN B. HASSAN**

mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \* sila tandakan

**SULIT**

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA**

**TERHAD**

**RAHSIA RASMI 1972).**

**TIDAK TERHAD**


(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).



Tandatangan Penulis

Tarikh: 4/6/18

DISAHKAN



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 5.6.18

Alamat tetap:  
11A, Kampung Mergong Tengah,  
KM4, Jalan Putra, 06250,  
Alor Setar,  
Kedah.

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Prosedur Penyelidikan Kurator Untuk Topeng Etnik Sarawak Dalam Koleksi Jabatan Muzium Sarawak**' telah disediakan oleh **Muhammad Zakirin b. Hassan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Puan Rahah Haji Hassan)

Tarikh:

---

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa tiada bahagian penyelidikan dalam hasil penulisan ilmiah/tesis ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi yang lain.

---

(MUHAMMAD ZAKIRIN B.

HASSAN)

No. Matrik: 52749

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyiapkan kajian yang saya lakukan ini dengan jayanya. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah program Pengurusan Seni terutama sekali kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Puan Rahah Haji Hassan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dalam menjalankan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka-mereka ini tidak mungkin kajian ini sempurna. Selain itu, ribuan terima kasih juga kepada para informan-informan yang telah membantu saya dalam menjalankan kajian ini. Segala sumber dan dapatan kajian yang diperoleh daripada informan adalah amat dihargai.

Sekiranya tanpa mereka ini maka tidak lengkaplah sesebuah kajian yang ingin saya hasilkan. Tidak lupa juga kepada keluarga saya yang selama ini banyak memberi sokongan, dorongan, dan juga sumber kewangan untuk saya menjalankan kajian ini. Hal ini kerana, tanpa sokongan daripada mereka mungkin tidak dapat untuk saya menghasilkan kajian ini dengan sempurna. Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang juga memberi sedikit sebanyak pandangan dan idea mereka dalam saya menjalankan kajian ini. Akhir kata, saya berharap agar kajian yang saya hasilkan ini akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya dan juga kepada pengkaji akan datang.

Terima kasih dari saya atas segala perkara dan bantuan yang diberi selama saya menjalankan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN TAJUK	
	BORANG PENGESAHAN	i
	PENGESAHAN & TANDATANGAN	
	PENYELIA	ii
	PENGAKUAN	iii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN KAJIAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Perkembangan Awal Muzium	2-6
	1.3 Koleksi Topeng Bagi Etnik-Etnik	7-16
	1.4 Objektif Kajian	17
	1.5 Skop Kajian	18
	1.6 Persoalan Kajian	19
	1.7 Lokasi Kajian	20-21
	1.8 Permasalahan Kajian	22
	1.9 Kepentingan Kajian	23
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
	2.1 Pengenalan	24
	2.2 Kurator	25-33
	2.3 Rumusan	34

### **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35-36
3.2	Kaedah Perpustakaan	37-38
3.3	Kajian Lapangan	39-40
3.4	Instrumen Kajian	41-42
3.5	Garis Panduan ( <i>outline</i> ) Penyelidikan Kurator	43-52
3.6	Teori Penyelidikan Kurator	53-54
3.7	Analisis Artifak Topeng Dalam Konteks Muzium ( <i>body of material</i> )	55-56
3.8	Rumusan	57

### **BAB 4           ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	58
4.2	Mengenal Pasti Struktur Penyelidikan JMS	59-67
4.3	Analisis, Mengaplikasikan, dan Mendokumentasikan data penyelidikan mengikut model teori Roy Brigden	68-78
4.4	Rumusan	79

### **BAB 5           KESIMPULAN, PERBINCANGAN, DAN CANDANGAN**

5.1	Pengenalan	80-85
5.2	Rumusan & Perbincangan	86-87
5.3	Cadangan Kajian	88-90

Rujukan



## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN TAJUK	
	BORANG PENGESAHAN	i
	PENGESAHAN & TANDATANGAN	
	PENYELIA	ii
	PENGAKUAN	iii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN KAJIAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Perkembangan Awal Muzium	2-6
	1.3 Koleksi Topeng Bagi Etnik-Etnik	7-16
	1.4 Objektif Kajian	17
	1.5 Skop Kajian	18
	1.6 Persoalan Kajian	19
	1.7 Lokasi Kajian	20-21
	1.8 Permasalahan Kajian	22
	1.9 Kepentingan Kajian	23
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
	2.1 Pengenalan	24
	2.2 Kurator	25-33
	2.3 Rumusan	34

### **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35-36
3.2	Kaedah Perpustakaan	37-38
3.3	Kajian Lapangan	39-40
3.4	Instrumen Kajian	41-42
3.5	Garis Panduan ( <i>outline</i> ) Penyelidikan Kurator	43-52
3.6	Teori Penyelidikan Kurator	53-54
3.7	Analisis Artifak Topeng Dalam Konteks Muzium ( <i>body of material</i> )	55-56
3.8	Rumusan	57

### **BAB 4           ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	58
4.2	Mengenal Pasti Struktur Penyelidikan JMS	59-67
4.3	Analisis, Mengaplikasikan, dan Mendokumentasikan data penyelidikan mengikut model teori Roy Brigden	68-78
4.4	Rumusan	79

### **BAB 5           KESIMPULAN, PERBINCANGAN, DAN CANDANGAN**

5.1	Pengenalan	80-85
5.2	Rumusan & Perbincangan	86-87
5.3	Cadangan Kajian	88-90

Rujukan

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN KAJIAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji prosedur seorang kurator bagi melakukan penyelidikan untuk koleksi-koleksi topeng etnik di Sarawak yang terdapat di Jabatan Muzium Sarawak (JMS).

JMS adalah sebuah institusi yang menyimpan dan mempamerkan bahan-bahan koleksi yang berkaitan dengan etnik-etnik di Sarawak. Seperti institusi-institusi yang lain, muzium ini juga mempunyai fungsi-fungsi tersendiri. Pengkaji telah merujuk kepada jurnal terdahulu, buku-buku, artikel, dan merujuk kepada penjawat awam di institusi tersebut dalam melaksanakan kajian ini. Kajian ini akan didokumentasikan terhadap hasil kajian yang diperolehi untuk mencapai objektif kajian ini.

## 1.2 Perkembangan Awal Muzium

Menurut (Febrina, 2011), perkataan muzium pada asalnya adalah dari bahasa Latin iaitu *museum (musea)*, manakala dari bahasa Yunani pula adalah *mouseion* yang merujuk kepada kuil yang digunakan untuk dipersembahkan kepada *Muses* iaitu dewa seni dalam mitologi Greek. Muzium juga digunakan sebagai tempat pendidikan secara tidak formal yang merangkumi dalam bidang kesenian, sejarah, serta saintifik, khususnya seperti di perpustakaan diraja Alexandria yang didirikan oleh Ptolemy I Soter pada 280 SM.

*“asas penubuhan sesebuah muzium itu adalah berfungsi sebagai tempat mengumpul bahan-bahan lama yang mempunyai nilai sejarah, seni dan budaya, melakukan penyimpanan artifak, memelihara dan memulihara, membuat penyelidikan, mempamer, mendokumentasi dan mendidik masyarakat.”* (Nor Hanisah, 2013, p. 2)

Berdasarkan rekod catatan sejarah muzium, muzium yang pertama ditubuhkan adalah pada abad ke-3 SM iaitu terletak di Iskandariah, Mesir. Selepas itu, institusi muzium mula mendapat perhatian dari pelbagai pihak terutamanya daripada pihak para ilmuwan untuk memberi definisi yang sesuai mengenai sejarah muzium. Memetik daripada kata-kata Geo Brown Goode (1895) mendefinisikan muzium adalah *'An institution for the preservation of those objects which best illustrate the phenomena of nature and the work of man, and utilization of these to increase knowledge and for the*

*culture and the enlightenment of the people'* (Norsimah B. L., Definisi Muzium, 2007, p. 22).

Menurut (Febrina, 2011), muzium adalah satu institusi tetap yang tidak bersifat mencari keuntungan dalam menyumbang perkhidmatan dan pembangunan kepada masyarakat dan dibuka kepada orang ramai. Muzium melaksanakan aktiviti mengumpul, memelihara, memulih, menyelidik, menerbit, berkomunikasi melalui pameran untuk tujuan penyelidikan, pembelajaran dan keceriaan orang ramai mengenai bukti benda budaya dan alam sekitar dan muzium juga memastikan koleksi yang terdapat di institusi tersebut dapat dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang.

*“Pusat pembelajaran menerusi muzium adalah kaedah komunikasi dua hala seperti diamalkan di Greek hingga kepada Cabinet of Curiosity, institusi ini telah menempuh evolusi pembangunan dan fasa yang menekankan peranan dan fungsinya dalam mempamer dan memperagakan koleksinya.”* (Mohd Azmi bin Mohd Yusof "et al", 2007, p. 2)

Namun masih terdapat beberapa definisi berbentuk sementara atau masih kurang jelas yang disampaikan. Menurut (Febrina, 2011, p. 13) yang memetik kata-kata Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) telah mendefinisikan muzium berlandaskan kepada fungsi dan pengurusannya serta bidang-bidang yang berkaitan dengan institusi tersebut. ICOM pada Mesyuarat Agongnya 1974 menggariskan definisi Muzium sebagai *“A non-profit making, permanent institution, in the service*

*of society and its development, and open to the public, which acquires, conserves, researches, communicates and exhibits, for the purposes of study, education and enjoyment, material evidence of man and his environment”.*

### **1.2.1 Muzium Sarawak**

Menurut (Norsimah, 2007), pada tahun 1886 muzium pertama di Borneo telah ditubuhkan di Kuching, Sarawak. Cadangan penubuhan muzium tersebut telah di cadangkan pada 26 Mac 1878. Bahan-bahan pameran di muzium tersebut kebanyakan diperolehi daripada penderma-penderma untuk kegunaan muzium pada masa tersebut akan tetapi perkembangan muzium tersebut agak perlahan dari segi infrastruktur dan kemudahan. Pada peringkat awalnya, bahan-bahan pameran muzium diletakkan dan dipamerkan di Astana dan kemudiannya bahan-bahan pameran tersebut telah dipindahkan ke sebuah bilik dalam bangunan menara Jam Clock Tower iaitu berhadapan dengan Pangkalan Batu.

Menurut (Norsimah, 2007), cadangan penubuhan Muzium Sarawak mulai berkembang dari masa ke semasa, di mana pada tahun 1886 Muzium Sarawak telah membuat keputusan untuk membeli koleksi yang ada pada H. Booke Low untuk dijadikan sebagai bahan koleksi di Muzium Sarawak. Koleksi-koleksi yang terdapat pada ketika itu adalah berkaitan dengan spesimen etnografi yang diperolehinya dari kawasan Rajang. Bahan-bahan koleksi tersebut diletakkan di sebuah kawasan yang berdekatan dengan Pasar dan dibuka dengan secara rasmi oleh Raja Charles Brooke pada 30 Oktober 1886.

Menurut (Norsimah, 2007), reka bentuk untuk pembinaan bangunan Muzium Sarawak telah di buat pada tahun 1888 dan reka bentuk tersebut mendapat sumber

inspirasi dari struktur reka bentuk dewan Bandar Normandy Perancis yang di buat oleh seorang kakitangan Raja Charles Brooke. Penubuhan Muzium Sarawak telah direalisasikan oleh Raja Kedua Sarawak, iaitu Sir Charles Brooke pada tahun 1860.

(Alexander ak Chelum "et al", 2013), muzium Sarawak (Bangunan lama) telah dibina pada tahun 1891 dan dinaiktarafkan serta dibesarkan seperti mana sedia ada sekarang pada tahun 1911. Bangunan ini telah dibina untuk menyimpan dan memaparkan seni tempatan asli, kraf, dan koleksi haiwan tempatan serta tidak terkecuali juga artifak topeng kayu yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Iban. Pembinaan Muzium Sarawak juga merupakan cadangan dari seorang Pakar Alam Semula jadi terkenal, Alfred Wallace, di mana ketika itu beliau melakukan pengumpulan spesimen-spesimen di Sarawak.

Menurut (Alexander ak Chelum "et al", 2013), muzium Sarawak merupakan institusi yang memainkan peranan sebagai sebuah institusi yang mengumpul artifak sejarah bagi memberi maklumat mengenai asal-usul masyarakat tempatan dan sejarah Sarawak kepada pengetahuan umum. Kewujudan muzium ini juga memberi banyak manfaat kepada Sarawak sendiri kerana dengan kepelbagaian etnik di Sarawak ia dapat mengumpul khazanah-khazanah di Sarawak yang kaya dengan budaya masyarakat setempat dan secara tidak langsung dapat mempromosikan warisan budaya kepada masyarakat luar dan dapat mengekalkan budaya turun temurun bagi diwarisi kepada generasi yang baru.

Menurut (Alexander ak Chelum "et al", 2013), pelawat yang datang berkunjung ke Muzium Sarawak ini bukan sahaja ingin melihat keunikan koleksi pameran yang di pameran sahaja akan tetapi mereka juga berharap agar informasi

atau maklumat berkenaan dengan bahan atau objek pameran adalah lengkap dan seperti yang diharapkan serta dapat dipelajari dan mudah untuk difahami oleh pelbagai lapisan umur. Masyarakat kita sudah di didik bahawa muzium adalah institusi yang memberikan pendidikan yang tidak formal terutamanya untuk mempelajari dan memberi pengetahuan mengenai peristiwa yang berlaku pada masa dahulu.



### **1.3 Koleksi Topeng Bagi Etnik-Etnik**

#### **1.3.1 Masyarakat Iban**

Menurut (Ushaa Nanthini A. K., 2007), masyarakat Iban merupakan kaum majoriti yang terdapat di Sarawak dan masyarakat ini lebih dikenali sebagai Dayak Laut. Kaum Iban merupakan masyarakat yang masih mengamalkan dan memegang kuat kepada agama adat yang berbentuk animisme. Masyarakat Iban juga menggunakan pengalaman dan konsep keagamaan sebagai amalan di dalam adat resam budaya mereka sehingga ke hari ini. Namun, masyarakat Iban sebahagian besarnya telah bertukar kepada agama Kristian. Manakala masyarakat Iban yang tidak memasuki mana-mana agama yang lain masih lagi kekal kepada kepercayaan mereka dan masih mengamalkan kepercayaan tradisional mereka serta kepercayaan ini juga lebih dikenali sebagai *Pengarap Lama*.

Menurut (Noria, 2014), kaum Iban juga, merupakan kaum yang suka mengembara dan berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain untuk mencari kawasan yang subur untuk melakukan aktiviti penanaman padi bukit dan mendapatkan binatang buruan serta ikan, dalam erti kata yang lain kaum Iban ini lebih suka hidup secara nomad. Tempat asal mereka juga tidak dapat ditentukan dengan lebih tepat kerana kehidupan mereka yang berpindah randah, tetapi mereka telah meninggalkan kesan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa orang Iban pernah menetap di kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat, Indonesia sebelum mereka melakukan penghijrahan beramai-ramai ke kawasan Sarawak pada awal tahun 1540.

Menurut (Ushaa Nanthini A. K., 2007), berdasarkan catatan rekod, kedatangan masyarakat Iban di Sarawak sejak 200 tahun dahulu sebelum kedatangan James

Brooke ke Sarawak. Masyarakat Iban juga merupakan kelompok masyarakat yang sering hidup secara berpindah-randah iaitu berasal dari Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia. Sebahagian besar masyarakat Iban telah menetap di 9 bahagian utama di Sarawak yang meliputi kawasan bandar dan juga luar bandar.

Menurut (Noria, 2014), tempat yang menjadi penempatan awal kepada orang Iban setelah berhijrah adalah di bahagian Sri Aman. Kaum Iban merupakan kelompok masyarakat yang tertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo dan kebanyakan kaum Iban kini lebih tertumpu di Sarawak. Penghijrahan orang Iban bermula beberapa dekad lalu iaitu dimulakan oleh orang Iban yang menetap di sepanjang Sungai Merakai, Indonesia yang diketuai oleh Gelungan iaitu ketua masyarakat bagi kawasan tersebut. Penghijrahan tersebut dilakukan kerana mereka ingin mencari suatu penempatan yang baru lebih baik dan selesa untuk di diami. Mereka telah memulakan penempatan di kawasan Bukit Balau yang terletak di antara Merakai dan Sungai Batang Undop. Seterusnya, penghijrahan tersebut telah diikuti oleh kelompok orang Iban yang ke dua yang diketuai oleh Langkup dan mereka telah menetap di tengah-tengah kawasan Batang Undop. Manakala kelompok yang ke tiga yang diketuai oleh Jelian telah menetap di kawasan Wong Empangu, iaitu di kawasan hilir Batang Undop.

Menurut (Ushaa Nanthini A. K., 2007), kesenian dan kepercayaan adat adalah dua konsep yang saling berkait rapat antara satu sama lain dan penting dalam kehidupan seharian kepada masyarakat Iban. Melalui kepercayaan masyarakat Iban mengenai kedua-dua aspek tersebut amat berkait rapat dengan alam semula jadi yang menjadi sumber inspirasi mereka. Hasil sumber inspirasi ini, wujudnya seni ukiran

khususnya kepada topeng kayu yang membawa makna yang tersendiri dan mempunyai fungsi-fungsi ritual kepada masyarakat Iban.

### **1.3.2 Masyarakat Kayan**

Menurut (Bibi Aminah Abdul Ghani "et al", 2009), etnik Kayan atau lebih dikenali sebagai Orang Ulu. Etnik Kayan ini dikatakan berasal daripada kawasan sungai Kayan atas (Apo Kayan). Istilah Orang Ulu secara literalnya diterjemahkan sebagai "orang di atas sungai". Berdasarkan sumber sejarah lisan, istilah "Orang Ulu" seperti yang digunakan oleh peniaga-peniaga Brunei dan China misalnya pada satu masa dahulu yang hanya merujuk kepada orang Kayan dan orang Kenyah. Istilah ini menjadi lebih popular semasa era Datuk Temenggung Oyong Lawai Jau (1950-1974) ketua utama yang menjadi pemimpin masyarakat Kayan-Kenyah. Dokumentasi resmi pertama yang secara rasmi memperkenalkan istilah "Orang Ulu" adalah Kod Etika Orang Ulu (1957) yang ditulis oleh Majlis Adat Sarawak. Tetapi seperti yang dinyatakan di atas, istilah tersebut hanya dirujuk kepada masyarakat Kayan dan Kenyah.

Menurut (Bibi Aminah Abdul Ghani "et al", 2009), masyarakat Kayan ini telah melakukan penghijrahan seperti ke Baluy, kawasan atas Rejang, dan juga ke kawasan Baram dalam abad ke lapan belas dan sembilan belas. Orang Kayan yang tinggal di rantau Baram adalah milik Uma Bawang. Pada zaman dahulu, masyarakat Kayan telah mengamalkan adat Dipuy (agama lama) yang mendahului adat Bungan (adat Dipuy yang diperbaharui). Setelah masyarakat Kayan menerima dan menganut agama Kristian segala tradisi lama sudah tidak lagi diamalkan.

Menurut (Bibi Aminah Abdul Ghani "et al", 2009), kumpulan etnik Orang Ulu ini atau pun dikenali etnik Kayan ini boleh didapati di beberapa kawasan Sarawak seperti di Belaga, Bintulu, Miri, Baram, Bario, Lawas, Trusan, dan Limbang. Namun kini didapati bahawa lebih kurang seribu penghijrahan telah dilakukan oleh Orang Ulu ke Kuching kerana disebabkan peluang pekerjaan, pendidikan, dan peluang perniagaan yang lebih baik di ibu kota Sarawak.

### **1.3.3 Masyarakat Melanau**

Menurut (Dzulfawati, 2006) yang memetik kata-kata (Moris,1991:4) menyatakan bahawa bermulanya pada pertengahan abad ke-15 iaitu lebih kurang 300 tahun dahulu, Kesultanan Brunei telah menawan dan menguasai kawasan-kawasan penempatan orang Melanau. Pada tahun 1861, penempatan kaum Melanau iaitu dari muara Sungai Igan hingga ke Kindurong kawasan timur laut di Bintulu telah diserahkan oleh pemerintahan Brunei kepada pihak Inggeris di bawah pimpinan James Brooke.

Menurut (Azmil Asraf, 2015), berdasarkan kepercayaan tradisional masyarakat Melanau, mereka lebih mempercayai kepada unsur mistik iaitu mereka akan menyembah makhluk yang mempunyai kuasa sakti. Oleh itu, mereka akan melakukan pemujaan, proses pemujaan dilakukan dengan memberi persembahan iaitu *semah* dengan memberi makanan yang diiringi alunan lagu dan bacaan mantera.

Menurut (Azmil Asraf, 2015) di dalam jurnal beliau iaitu '*Pesta Kaul Etnis Melanau Di Mukah, Malaysia*' yang memetik kata-kata (Moris,1991) di dalam bukunya '*The Oya Melanau*' bahawa dunia bagi kaum Melanau mempunyai lima belas

lapisan iaitu lapisan ditengah-tengah adalah *liko dagen dua* di mana alam yang dihuni oleh manusia, haiwan, dan tumbuh-tumbuhan manakala yang selebihnya pula adalah:

Tujuh lapisan di atas adalah:

- Lapisan kelima hingga ketujuh adalah *liko langit* atau *liko bah-bau* lapisan yang dihuni oleh jin;
- manakala di lapisan keempat pula *liko dewa-dewa*;
- lapisan ketiga *liko naradin*;
- lapisan yang pertama dan kedua pula dihuni oleh *liko baliwan*.

Tujuh lapisan di bawah pula dikenali sebagai *liko bah iba'*:

- Lapisan yang paling hampir dengan alam bumi adalah *liko pengamew*;
- diikuti oleh *liko kulum*;
- *liko belangan*;
- *liko yang*;
- *liko jin*;
- *liko raja jin*;
- dan yang paling bawah ialah *liko baliw*.

#### **1.3.4 Topeng**

Masyarakat Dusun Kedungmonggo di Indonesia mempercayai bahawa penggunaan topeng dapat dijadikan sebagai satu objek atau medium perantaraan bagi menghubungkan alam manusia dengan alam ghaib bagi tujuan-tujuan tertentu seperti

memohon pertolongan dan sebagainya mengikut kepercayaan adat resam budaya. (Wulan Astrini "et al", 2013). Seperti mana topeng digunakan oleh etnik-etnik di Sarawak iaitu menggunakan wajah-wajah mitos sebagai rupa ukiran pada topeng untuk kegunaan kerohanian. Sebagai contoh, topeng etnik Kayan yang mempercayai bahawa dengan memakai topeng akan menyamar sebagai roh yang turun ke bumi untuk memberkati dan melindungi tuaian mereka.

*“Kesenian topeng secara umumnya sering dikaitkan dengan upacara ritual iaitu dimanfaatkan sebagai media pemujaan terhadap roh atau kuasa ghaib. Oleh itu, ia mempunyai sifat yang mistik dan tidak masuk akal”.* (Wulan Astrini "et al", 2013, p. 2)

Menurut (Olaomo, 2011, p. 3) di dalam jurnal beliau *Indigenous Art of West Africa in Wood* menyatakan “topeng kebiasaannya digunakan oleh masyarakat tempatan Afrika Barat bagi tujuan aktiviti penyamaran iaitu bagi memperingati sesuatu upacara tradisi dan sebagai aktiviti ikutan di mana aktiviti tersebut menunjukkan kerahsiaan.”

Menurut (P. Baraldi "et al", 2011, p. 3) “seni topeng kayu mempamerkan pelbagai gaya, bentuk, teknik, dan idea-idea bersama-sama dengan penyelidikan estetik yang luar biasa dan keinginan inovasi artistik kerana khususnya, topeng merupakan salah satu objek seni yang paling penting dengan pelbagai fungsi seperti melindungi, disembunyikan, dihiasi, menyamar, menakutkan, serta membangkitkan semangat.”

### 1.3.5 Topeng Orang Iban

Masyarakat Iban menjadi pengukir adalah atas kehendak Tuhan ataupun dewa-dewa mereka. Antara dewa-dewa yang dipuja serta disanjung oleh orang Iban seperti *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang, Laja Mirah Moa Nekang Jerenang, Simpurai, Muntigerai, Sepatu Manok Antu, Sepungga Lumpong Nangga, Pandak Segatak* dan lain-lain. Dewa-dewa ini merupakan dewa perang bagi masyarakat Iban (Ushaa Nanthini A. K., 2007). Ini menunjukkan bahawa hasil seni masyarakat Iban ini berasal daripada dewa-dewa yang mereka puja mengikut pegangan animisme.

Menurut (Ushaa Nanthini A. K., 2007, p. 19), ukiran topeng merupakan salah satu ukiran kayu yang banyak dihasilkan oleh kalangan kaum Iban. Memetik daripada kata-kata (Usha Nanthini A. K, 2007) yang memetik kata-kata Augustine Anggat Ganjing (1991) menyatakan bahawa topeng dalam bahasa Iban dipanggil “Tuping”. Topeng kaum Iban ini merupakan topeng yang paling realistik dan mempunyai pengaruh yang kuat dari segi pemujaan.

Topeng ini biasanya digambarkan dengan watak-watak mitos. Menurut kepercayaan mereka, wajah-wajah mitos ini digunakan untuk kerohanian serta turut dapat menakutkan kanak-kanak supaya tidak suka berjalan pada waktu malam dan juga untuk menakutkan pencuri yang memasuki kawasan kediaman masyarakat tersebut (Ushaa Nanthini A. K., 2007). Wujudnya kepercayaan ini menunjukkan bahawa ia dapat memberi kesan kepada masyarakat Iban.



Gambar 1.1: contoh topeng orang Iban, *indai guru*

(Sumber: : Gambar di dalam laman sesawang *Pinterest*)

Topeng Iban lebih dikenali sebagai *Indai Guru*, yang ditakrifkan sebagai ibu yang mengajar. Topeng ini digunakan bagi menakutkan kanak-kanak yang nakal terutamanya mereka yang berada dalam peringkat awal mereka yang nakal yang mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk membahayakan diri mereka apabila mereka tidak mendengar kepada kata-kata ibu bapa. Topeng ini biasanya dipakai oleh wanita tua yang keluarga terdekatnya tidak mempunyai anak kecil. Selepas itu, pastikan tiada anak kecil menghadapi topeng buruk. Kebanyakan kanak-kanak takut apabila melihat penampakan (imej yang mirip hantu seseorang) dan serta-merta berhenti melakukan apa yang mereka lakukan dan berlari untuk perlindungan daripada ibu bapa atau penjaga mereka (Lucas Chin "et al", 1991). Kepercayaan ini juga turut dapat digunakan dalam hidupan seharian mereka bagi tujuan-tujuan tersebut.